



THE
LUTHERAN
WORLD
FEDERATION

A Communion
of Churches

Doa syafaat di tengah-tengah penularan COVID-19

Ya Tuhan Penyembuh kami, tunjukkanlah belas kasihan-Mu kepada keluarga yang sedang dalam pergolakan dan dibebani dengan penyakit dan ketakutan. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Bantulah kami ketika coronavirus sedang menular di seluruh dunia, sembuhkanlah mereka yang sakit, sokonglah dan lindungilah keluarga-keluarga dan sahabat-sahabat mereka daripada dijangkiti. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Berikanlah kami roh kasih-Mu dan disiplin diri supaya kami bersatu, bekerja untuk mengawal dan menghapuskan coronavirus. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Buatkanlah kami berwaspada, penuh perhatian, dan proaktif dalam membasmi semua penyakit, malaria, denggi, HIV & AIDS, dan lain-lain yang menimbulkan penderitaan dan selalu diakhiri dengan kematian ramai orang. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Pulihkan sikap mementingkan diri dan ketidakpedulian kami yang hanya bimbang ketika virus mengancam kami, bukalah jalan melampaui keraguan dan ketakutan yang mudah mengabaikan orang di sekitar kami. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Kuatkanlah dan doronglah mereka yang bertugas dalam perkhidmatan kesihatan awam dan dalam profesion kesihatan: para penjaga, jururawat, pegawai perubatan, doktor, dan semua yang berkomitmen untuk menjaga orang sakit dan keluarga mereka. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Berikanlah inspirasi, wawasan dan harapan kepada semua penyelidik yang berfokus dalam membangun vaksin. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Sokonglah semua pekerja dan pemilik perniagaan yang kehilangan mata pencarian kerana penutupan, kuarantin, penutupan sempadan, dan lain-lain sekatan... lindungilah dan jagalah mereka yang harus melakukan perjalanan. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Bimbinglah para pemimpin dunia supaya mereka menyampaikan kebenaran, menghentikan penularan maklumat yang salah dan bertindak dengan keadilan supaya semua orang yang sakit menjadi sembuh. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Sembuhkanlah bumi kami, sembuhkanlah tubuh kami, kuatkanlah hati dan minda kami, dan di tengah-tengah pergolakan, berikanlah kami harapan dan kedamaian. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Peganglah mereka yang telah meninggal dan yang akan meninggal pada hari ini dalam dakapan-Mu yang lembut. Hiburkanlah orang yang mereka kasihi dalam kesedihan mereka. Dengarlah seruan kami, ya Tuhan,

Dengarlah doa kami.

Ingatlah semua keluarga, umat manusia, dan semua ciptaan-Mu, dalam kasih-Mu. Amin!